From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 20 February, 2022 11:37:59 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA TARIKAN PELAJAR PILIH UUM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 FEBRUARI 2022 / 18 REJAB 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA TARIKAN PELAJAR PILIH UUM



UUM ONLINE: Anugerah berprestij dilihat sebagai salah satu faktor yang menarik kemasukan pelajar antarabangsa dalam universiti tempatan dan meningkatkan kolaborasi luar negara sekali gus menjana ekonomi.

Misalnya, kejayaan UUM dalam merangkul anugerah Times Higher Education (THE) Awards Asia 2021 bagi kategori THE DataPoints Improved Performance Awards yang diumumkan pada THE Awards Asia ke-3 pada tahun lalu.

Bukan calang-calang universiti yang menjadi saingan untuk meraih pengiktirafan di Asia ini yang berjaya diketepikan UUM iaitu Central South University (China), Imam Abdulrahman Bin Faisal University (Saudi Arabia), University of Jordan (Jordan), Kansai Medical University (Japan), Kwansei Gakuin University (Japan) dan Thapar Institute of Engineering and Technology (India).

Pengarah Bahagian Perancangan Korporat (BPK), Prof. Madya Dr. Mazni Omar berkata, anugerah yang menjulang nama UUM itu merupakan bukti komitmen universiti dalam program pengantarabangsaan, di samping menjadikan UUM lebih dikenali di peringkat Asia dan secara tidak langsung menjadi faktor utama kemasukan pelajar luar negara untuk melanjutkan pengajian di UUM.

Menurutnya, pakar data THE memilih UUM berdasarkan kepada program pengantarabangsaan universiti yang banyak membantu UUM meningkat dalam ranking dunia selari dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi ASEAN.

Katanya, seiring dengan visi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa, anugerah tersebut membolehkan UUM memperkukuhkan kedudukan khususnya dalam penjenamaan universiti di peringkat antarabangsa.

“Kejayaan ini membantu proses pengantarabangsaan dengan usaha universiti untuk meningkatkan lagi bilangan pelajar asing untuk datang belajar di Malaysia khususnya di UUM, di samping peluang kerjasama dalam penyelidikan selaras dengah hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mensasarkan agar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia menjadi rujukan dan tumpuan global.

“Selain itu, kita juga menggalakkan program kerjasama antarabangsa misalnya pertukaran staf akademik, kerjasama dalam penyelidikan serta memperbanyakkan lagi kolaborasi kajian di antara universiti tempatan dengan universiti di luar negara,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pendaftar, BPK, Muhamed Nor Azman Nordin berkata, setiap tahun universiti di seluruh dunia akan menghantar data ke THE DataPoints bagi tujuan penarafan ranking.

Menurutnya, beberapa universiti Asia telah menunjukkan peningkatan dalam rankings dunia sehingga berada dalam kalangan 50 universiti terbaik dunia.

Walau bagaimanapun, katanya, pakar data yang dilantik oleh THE telah melihat bahawa terdapat perkembangan pesat dalam kalangan universiti-universiti lain di Asia, bukan semata-mata kedudukan di dalam rankings.

"THE Awards Asia merupakan sebuah anugerah antarabangsa yang mengiktiraf kecemerlangan prestasi IPT dalam pelbagai aspek yang merupakan kesinambungan daripada THE Awards iaitu acara anugerah pendidikan tinggi berprestij di United Kingdom.

“Anugerah berprestij yang disifatkan sebagai 'Oscars of Higher Education' itu adalah platform di peringkat antarabangsa untuk mengiktiraf prestasi kepimpinan dan institusi pendidikan tinggi yang cemerlang di seluruh benua,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.